

Headline **Belanja RM5 juta**
Date **01 Jun 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N19**
Article Size **185 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,018**
PRValue **3,053**



Belanja RM5 juta

Dutch Lady edar 250,000 susu percuma sempena Hari Susu Sedunia

SUHARNE ZAINUDIN

SEMPENA sambutan Hari Susu Sedunia 2010, Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady) memperuntukan kira-kira RM4 juta hingga RM5 juta bagi kempen 'Sebarkan Kebaikan Khasiat Susu' sebagai inisiatifnya menyebarkan kebaikan susu kepada warga Malaysia.

Pengarah Urusannya, Bas van den Berg berkata, sebagai sebahagian daripada kempen tersebut, Dutch Lady Malaysia kini sedang giat mempromosikan kebaikan susu kepada warga Malaysia melalui pengiklanan media cetak dan elektronik.

"Hari Susu Sedunia 2010 adalah sambutan kali ketiga Dutch Lady Malaysia. Tanggal 1 Jun pada setiap tahun adalah Hari Susu Sedunia yang akan diraikan di seluruh dunia.

"Untuk tahun ini, pada tarikh tersebut, kami akan mengedarkan susu secara percuma di beberapa



● Dari kiri: Zainal Abidin, Bas van den Berg dan Danny menunjukkan sijil Malaysia Book of Record sambil disaksikan oleh 3,200 peserta sempena Hari Susu Sedunia 2010, di pekarangan Pavilion, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

plaza tol terpilih di daerah Utara; Sentral; Timur; Selatan; dan Kuching, Sarawak," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Hari Susu Sedunia 2010 di pekarangan Pavilion, Jalan Bukit Bintang.

Turut hadir, Pengerusi Dutch Lady, Zainal Abidin Putih dan pengasas yang juga Pengarah Urusan Malaysia Book

of Records, Datuk Danny Ooi.

Kehadiran seramai 3,200 warga Malaysia untuk direkodkan dalam Malaysia Book of Record bagi Acara Minum Susu Terbesar pada majlis tersebut, telah dihiburkan dengan persembahan beberapa selebriti tanah air antaranya Alif Satar, Reshmonu, Najwa dan Dayana.